

KE ARAH MEMBINA SATU MASYARAKAT YANG MINAT MEMBACA -

PERANAN PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM PULAU PINANG DI
DALAM MEMUPUK MINAT MEMBACA DI KALANGAN BELIA DI PULAU
PINANG. SATU ANALISIS DARIPADA SUDUT TANGGAPAN GOLONGAN
BELIA DI PULAU PINANG.

OLEH

NIK AZIZAN BIN ABDULLAH

LATIHAN ILMIAH

DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT KEPERLUAN
IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA DENGAN KEPUJIAN

BAHAGIAN KOMUNIKASI MASSA

PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

PULAU PINANG

1987

ISI KANDUNGAN

MUKASURAT

<u>TAJUK</u>	i
<u>ISI KANDUNGAN</u>	ii
<u>PENGHARGAAN</u>	iii
<u>SINOPSIS</u>	iv
<u>SENARAI CARTA, GAMBAR, GAMBARAJAH DAN JADUAL</u>	v
<u>BAB 1 : PENGENALAN</u>	
1.1 : Pendahuluan	1
1.2 : Rasional Kajian	6
1.3 : Objektif Kajian	19
1.4 : Pendekatan Kajian	27
<u>BAB 2 : RESENSI BACAAN</u>	
2.1 : Pendahuluan	29
2.2 : Kajian Yang Lalu Mengenai Pembacaan ...	31
2.3 : Teori Dan Teknik Membaca Dengan Baik ..	39
2.4 : Hubungan Di Antara Peranan Perpustakaan Dengan Perancangan Komunikasi	45
<u>BAB 3 : PERKEMBANGAN PERANAN PERPUSTAKAAN AWAM DI PULAU PINANG.</u>	
3.1 : Pendahuluan	54
3.2 : Projek Gerakan Membaca	55
3.3 : Peranan Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang	71

ISI KANDUNGAN

MUKASURAT

BAB 4 : CADANGAN PENYELIDIKAN

4.1	: Konseptualisasi Angkubah	88
4.2	: Operasionalisasi Angkubah	95
4.3	: Metodologi Penyelidikan	99

BAB 5 : PERSEMAHAN DATA DAN PERBINCANGAN HASIL
KAJIAN

5.1	: Pendahuluan	104
5.2	: Analisa : Latarbelakang Responden	106
5.3	: Analisa : Pengetahuan Dan Pemahaman Responden	116
5.4	: Analisa : Sikap Responden	128
5.5	: Analisa : Tingkahlaku Responden	145

BAB 6 : KESIMPULAN PENYELIDIKAN DAN CADANGAN
SELANJUTNYA

6.1	: Kesimpulan	155
6.2	: Kelemahan Dan Cadangan Selanjutnya ...	168
6.3	: Penutup	169

BIBLIOGRAFI

LAMPIRAN A - C

***** PENGHARGAAN *****

Syukur Alhamdulillah ke hadrat Allah Yang Maha Esa, atas berkatnya menganugerahkan saya dengan kekuatan, kesabaran, ketenangan hati dan kemahuan untuk menyiapkan Latihan Ilmiah ini. Sesungguhnya Latihan Ilmiah ini adalah suatu latihan yang benar-benar mencabar dan menagih kesabaran.

Pertama-tamanya, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan yang tidak terhingga kepada penyelia saya, Encik Raja Omar Ibrahim di atas nasihat dan bimbingan beliau di dalam menyiapkan Latihan Ilmiah ini.

Penghargaan juga kepada pegawai-pegawai di Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang, Perpustakaan Negara dan Dewan Bahasa Dan Pustaka di atas kerjasama yang diberikan di dalam usaha mendapatkan maklumat tentang peranan perpustakaan.

Akhirnya, terima kasih kepada semua pihak, rakan-rakan sekuliah, Mohammad, Mokhtar, Hasmat, Munsyi, Jaki, Jo, Mazlan Kamal, Andy dan lain-lain yang sama-sama berbincang di dalam menyiapkan Latihan Ilmiah ini.

Kepada semua, inilah kenangan yang tidak dapat saya lupakan.

Sekian, terima kasih. Wassalam.

Nik Azizan Bin Abdullah.

UNTUK;

Mami yang telah banyak berkorban dan mendoakan
kejayaan anak-anakmu,

Abah yang telah kembali ke alam barzah sebelum
sempat menyaksikan kejayaan anakmu,

Kakak dan adik kesayangan yang telah turut
berdoa untuk kejayaanku,

Yang tersayang dan yang menyayangi diri ini;

Sesungguhnya, sagalanya adalah untuk kalian.

... kepada malam yang banyak memberi
ilham,

Kepada kelam yang banyak memberi
kesabaran,

... amin.

SINOPSIS

Membaca merupakan satu kegiatan yang penting di dalam hidup manusia, terutama di dalam zaman perledakan ilmu pengetahuan ini. Kebolehan membaca akan menjadi sia-sia jika tidak diamalkan. Membaca merupakan kunci ilmu pengetahuan. Malangnya, budaya membaca belum wujud di dalam masyarakat kita. Malah timbul juga banyak salah faham tentang tabiat membaca.

Ada orang berpendapat, membaca mesti dibuat di tempat-tempat tertentu, pada masa-masa yang tertentu dan untuk tujuan-tujuan yang tertentu. Anggapan seperti ini perlu dibetulkan segera, terutama di kalangan belia yang masih di alam persekolahan. Jika anggapan-anggapan seperti itu berterusan, maka buku dan bahan bacaan yang lain akan tersisih dan 'asing' apabila mereka meninggalkan alam persekolahan nanti.

Menyedari hakikat inilah, kerajaan telah mengadakan Projek Gerakan Membaca bermula pada tahun 1980 sehingga kini yang memberikan tugas penting kepada perpustakaan untuk memupuk minat membaca dan seterusnya membina satu budaya membaca di kalangan masyarakat Malaysia khususnya golongan belia. Namun demikian, laporan kini masih menunjukkan bahawa minat membaca belum lagi wujud di dalam masyarakat kita terutamanya golongan belia.

Pucuk-pangkal kontroversi mesti dikenalpastikan. Penyelidikan ini akan meninjau betapa kukuh peranan yang telah dimainkan oleh pihak perpustakaan khususnya Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang di dalam usaha tersebut. Pendirian dan tanggapan golongan belia juga perlu diketahui untuk mengetahui keadaan yang sebenarnya wujud.

1. CARTA

Carta 3-1 : Projek Gerakan Membaca	58
Carta 3-2 : Jumlah Pinjaman Buku Dari Perpustakaan Tun Abdul Razak..	60

2. GAMBAR

Gambar 1 : Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang Di Dewan Sri Pinang	73
Gambar 2 : Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang Cawangan Butterworth	74
Gambar 3 : Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang Cawangan Bukit Mertajam ..	74
Gambar 4 : Perpustakaan Bergerak	76

3. GAMBARAJAH

Gambarajah 2-1 : Punca Rangsangan	43
Gambarajah 2-2 : Menunjukkan Hubungan Di Antara Teori Pembangunan, Teori Komunikasi Dan Teori Psikologi	51
Gambarajah 3-1 : Proses Pentadbiran Yang Berkesan	78
Gambarajah 3-2 : Agensi Perubahan Sebagai Penghubung Komunikasi Di Antara Kerajaan Dengan Rakyat	79
Gambarajah 3-3 : Peranan Perpustakaan	81

4. JADUAL

Jadual 1	: Menunjukkan Peratusan Responden Yang Diperolehi	107
Jadual 2	: Menunjukkan Peratusan Jantina Responden	108
Jadual 3	: Menunjukkan Peratusan Responden Mengikut Pembahagian Kaum	109
Jadual 4	: Menunjukkan Peratusan Responden Mengikut Pembahagian Umur	110
Jadual 5	: Menunjukkan Peratusan Responden Mengikut Tahap Pendidikan	111
Jadual 6	: Menunjukkan Peratusan Responden Mengikut Pembahagian Pendapatan ..	112
Jadual 7	: Menunjukkan Peratusan Responden Mengikut Pembahagian Penggunaan Bahasa Di Dalam Keluarga	114
Jadual 8	: Menunjukkan Peratusan Mengenai Pengetahuan Responden Tentang Peranan Perpustakaan	117
Jadual 9	: Menunjukkan Peratusan Responden Yang Faham Tentang Bentuk Peranan Perpustakaan	118
Jadual 10	: Menunjukkan Peratusan Responden Yang Menyatakan Sebab Tidak Faham Tentang Peranan Perpustakaan	120
Jadual 11	: Menunjukkan Peratusan Penerimaan Responden Terhadap Pendekatan Yang Digunakan Di Dalam Kempen Galakan Membaca	122
Jadual 12	: Menunjukkan Peratusan Mengenai Bentuk Kempen Yang Diketahui Oleh Responden	125
Jadual 13	: Menunjukkan Peratusan Kekerapan Tanggapan Responden Terhadap Pendekatan Yang Paling Berkesan Di Dalam Memujuk Minat Membaca ...	128

Jadual 14 : Menunjukkan Peratusan Responden Daripada Segi Sikap Terhadap Falsafah Membaca	131
Jadual 15 : Menunjukkan Peratusan Tentang Sikap Responden Mengenai Keberkesanan Pengaruh Galakan Membaca Melalui Perpustakaan Dengan Sebab-sebab Lain	135
Jadual 16 : Menunjukkan Peratusan Daripada Kategori Cadangan Responden Mengenai Keberkesanan Kempen	139
Jadual 17 : Menunjukkan Peratusan Tentang Sikap Responden Mengenai Kesedaran Membaca	141
Jadual 18 : Menunjukkan Peratusan Mengenai Sikap Responden Mengenai Sebab Mereka Membaca	141
Jadual 19 : Menunjukkan Peratusan Daripada Sudut Pengaruh Persekitaran Terhadap Tingkahlaku Responden...	145
Jadual 20 : Menunjukkan Peratusan Jumlah Responden Yang Menjadi Ahli Perpustakaan Awam Pulau Pinang...	147
Jadual 21 : Menunjukkan Peratusan Sebab Tidak Menjadi Ahli Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang...	148
Jadual 22 : Menunjukkan Peratusan Alasan Tidak Hadir Ke Perpustakaan.....	149
Jadual 23 : Menunjukkan Peratusan Mengenai Perkara Yang Menghalang Responden Daripada Membaca	151
Jadual 24 : Menunjukkan Peratusan Bagi Faktor Yang Mendorong Responden Untuk Membaca	153

BAB 1. PENGENALAN.

1.1 Pendahuluan.

Tahun Buku Antarabangsa yang diistiharkan oleh UNESCO (United Nations Education, Scientific And Cultural Organization) tidak lama dahulu menekankan bahawa disebabkan oleh perkembangan sosio-ekonomi dan sains teknologi yang begitu pesat, maka membaca tidak lagi dianggap sebagai mengisi masa lapang, tetapi sudah merupakan satu keperluan yang mutlak. Tanpa membaca, apalagi tanpa kebolehan membaca, manusia dengan sendirinya tersisih dan terhindar daripada tamadun dunia.

Pentingnya membaca di dalam memperolehi ilmu pengetahuan memang sudah tidak boleh dinafikan lagi terutama di dalam menolong individu berfikir dan bertindak dengan lebih matang dan rasional. Di samping itu, ia juga membolehkan peluang untuk individu itu mengetahui apa yang berada di luar batasan budaya, tempat serta masa. Menurut Wija Suriya(1980:1) membaca adalah satu asas penting untuk menambah pengetahuan, meninggikan tahap pendidikan dan pelajaran, mengembangkan daya cipta yang kreatif, mengasas pemikiran yang kritikal serta memupuk pandangan dan nilai hidup yang luas. Ini bererti dengan membaca, seseorang itu dapat menghargai alam sekitar, masyarakat dan tamadun dunia yang mempengaruhi hidupnya.

Memandangkan pentingnya kegiatan membaca ini menjadi amalan hidup sesebuah masyarakat, maka kegiatan ke arah memupuk minat membaca dan membina budaya membaca adalah sesuatu yang harus direncanakan secara positif selaras dengan perkembangan ilmu pengetahuan hari ini.

Menurut Dr. Engku M. Anuar(1980:51) sebuah masyarakat yang mengamalkan budaya membaca mestilah memiliki ciri-ciri seperti adanya sebahagian besar individu yang mengetahui secara objektif tentang keadaan sekeliling serta yang mempengaruhi hidupnya. Di samping itu, masyarakat tersebut mendapat kepuasan dengan menimba ilmu pengetahuan dan maklumat sekeliling mereka daripada pembacaan serta melibatkan diri di dalam soal-soal kemasyarakatan dan pembangunan negara secara aktif dan bertanggungjawab.

Di negara kita pada tahun 1970, laporan penduduk mencatatkan kadar kenal huruf sebanyak 55 peratus yang bererti bahawa lebih kurang 6.5 juta rakyat Malaysia sudah boleh membaca.(Dewan Masyarakat:1979) Kemudian pada tahun 1984, kajian oleh Dewan Bahasa Dan Pustaka mendapati kadar kenal huruf meningkat kepada angka 74 peratus. Nampaknya di dalam masa 14 tahun, kadar kenal huruf kian meningkat.

Ini menunjukkan satu perkembangan yang sihat lebih-lebih lagi di zaman perledakan ilmu pengetahuan sekarang ini. Bagaimanapun, apakah dengan peningkatan kadar kenal huruf ini sudah melambangkan bahawa rakyat Malaysia mengamalkan budaya membaca.

Hasil kajian yang dijalankan oleh Dewan Bahasa Dan Pustaka (1984:130) khususnya terhadap minat dan tabiat membaca di kalangan rakyat Malaysia mendapati bahawa rata-rata daripada mereka cuma membaca buku atau majalah 2 hingga 4 jam sahaja di dalam seminggu. Sesungguhnya kenyataan ini sangat mengecewakan kerana kebolehan membaca yang mereka ada tidak digunakan sebaik-baiknya yang mungkin. Sepatut-kebolehan yang mereka ada digunakan sebagai kesempatan untuk mencari ilmu pengetahuan demi kemajuan diri sendiri, masyarakat dan negara.

Kenyataan tersebut secara tidak langsung mengingatkan kita tentang laporan Mohamed(1975), yang mengatakan...' Kebolehan membaca adalah seumpama wang. Jika kita mempunyai wang yang banyak, tetapi tidak dapat membeli apa-apa dari wang tersebut, maka wang itu langsung tidak bermakna kepada kita. Begitu juga dengan kebolehan membaca, tidak akan bererti apa-apa jika tidak diamalkan dengan sebaiknya...(Dipetik dari IRDC,1978:62).

Ini bermakna, walaupun kadar kenal huruf di negara kita semakin meningkat, tetapi masih ramai yang belum mengamalkan kegiatan membaca sebagai aktiviti yang penting didalam hidup mereka. Sepatutnya, kegiatan membaca dijadikan aktiviti yang sama pentingnya dengan kegiatan seharian yang lain. Harus diingat bahawa setiap pembangunan individu dan negara tidak akan tercapai dan berjaya andainya kadar perubahan mental dan kadar perkembangan intelek begitu rendah.

Sesungguhnya masalah kurangnya minat membaca di kalangan masyarakat kita hari ini adalah suatu hakikat yang menuntut perhatian semua pihak yang terlibat dan bertanggungjawab termasuk golongan ibubapa, para pendidik, penulis, penerbit, penjual buku sehinggalah kepada pihak perpustakaan atau pihak kementerian pelajaran yang menggubal dasar pelajaran atau siapa saja yang mempunyai kaitan dengan kegiatan membaca di kalangan anggota masyarakat.

Kejayaan dan kegagalan sesuatu bangsa itu bergantung kepada ilmu pengetahuan yang mereka miliki kerana ilmu pengetahuan itulah yang akan menentukan lahirnya satu masyarakat dan bangsa yang mengenali tamadun dan menangkis kejahilan.

Untuk mencapai satu masyarakat yang mempunyai tahap pelajaran dan ilmu pengetahuan yang tinggi, orang ramai perlulah digalakkan banyak membaca. Di dalam usaha untuk menyampaikan ilmu pengetahuan tersebut, bahan-bahan bacaan di dalam berbagai bidang amatlah diperlukan. Di sinilah letaknya tugas yang harus dipikul oleh perpustakaan sebagai sebuah badan yang bertanggungjawab di dalam memastikan bahawa wujudnya satu masyarakat yang minat membaca melalui penyebaran bahan-bahan bacaan yang sempurna.

Perpustakaan bukan sahaja tempat membaca dan meminjam buku tetapi mempunyai tugas yang lebih penting. Di samping tempat menyimpan bahan-bahan bacaan, ia berfungsi sebagai pusat penyebaran maklumat dan tempat bermulanya usaha untuk memupuk minat membaca di dalam sesebuah masyarakat.

Menurut Oli Mohamed(1974), tugas perpustakaan bukan sahaja tempat menyediakan bahan-bahan bacaan tetapi memastikan adanya penyediaan kepada pembangunan sebuah masyarakat termasuk perkembangan pelajaran dan pengetahuan manusia, perkembangan teknologi baru serta peningkatan di dalam nilai budaya sesebuah masyarakat.

Menurut M. Noor Azam lagi, terdapat beberapa alasan yang membawa kepada masalah membaca iaitu akibat daripada kelemahan sistem pembelajaran yang terlalu berorientasikan peperiksaan sehinggakan pelajar akan meninggalkan pembacaan setelah selesai waktu peperiksaan. Alasan mereka ialah kerana sudah bosan dengan buku semasa sedang menghadapi peperiksaan dan sekarang tibalah masanya untuk relax pula. Satu lagi masalah kurangnya minat membaca menurut beliau ialah pengedaran bahan bacaan yang tak merata kerana kekurangan kedai-kedai buku terutama di kawasan luar bandar. Ditambah pula dengan perkhidmatan perpustakaan yang terbatas, ketiadaan kesanggupan untuk membeli bahan bacaan di kalangan rakyat yang berpendapatan rendah serta tiada usaha di dalam menggalakkan pembacaan secara serius dan terancang di luar waktu sekolah.

Kurangnya membaca di kalangan masyarakat kita hari ini membayangkan satu keadaan yang membimbangkan, lebih-lebih lagi di dalam dunia hari ini yang semakin mencabar dan memerlukan individu yang berpengetahuan. Hal ini menjadi lebih penting lagi oleh kerana masyarakat kita, Malaysia berdepan dengan maklumat-maklumat yang dimanupulasikan dan yang memerlukan lebih ramai individu yang menggunakan fikiran yang matang dan kritis terutama di dalam proses menggubal sesuatu dasar negara yang penting.

Jadi, masalah yang membawa kepada kurangnya minat membaca seperti masalah pagedaran bahan bacaan yang tak merata dan juga perkhidmatan perpustakaan yang kurang meluas harus dipandang serius oleh pihak-pihak yang bertanggung-jawab terutamanya pihak kerajaan. Ini adalah kerana masalah ini merupakan suatu fenomena yang membimbangkan dan boleh membantutkan proses pembangunan negara. Datuk Chan Siang Sun (1980) juga pernah berkata bahawa membaca adalah suatu proses pemikiran dan sebagai suatu latihan intelektual yang membolehkan seseorang membuat analisa secara kritis. Individu yang seperti inilah yang diperlukan di dalam sesebuah negara yang sedang membangun terutama di dalam proses membuat dasar.

Maka, atas kesedaran inilah pada bulan Januari 1980, sebagai pembuka dekad 80an, kerajaan telah melancarkan 'Projek Gerakan Membaca' (Readership Promotion Campaign). Pada 18 Ogos 1980, Timbalan Menteri Pelajaran waktu itu, Datuk Chan Siang Sun sewaktu merasmikan Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Penerbitan Bersama Asia, Accu, Tokyo di Kuala Lumpur, berkata bahawa Projek Gerakan Membaca dilancarkan atas kesedaran bahawa kemajuan sosial dan ekonomi yang dicapai oleh sesebuah negara hanya akan menjamin masa depan yang lebih bermakna apabila sebahagian besar rakyat tidak saja sanggup berbelanja untuk barang-barang keperluan biasa, tidak sahaja untuk membeli makanan dan pakaian, perabut dan kenderaan tetapi juga menjadi 'reading consumer' yang mengarah kepada pertumbuhan budaya membaca.

Ini bererti kerajaan memandang berat akan keperluan untuk membina satu masyarakat yang memiliki budaya membaca. Dengan memiliki budaya membaca, sesebuah negara dan masyarakat itu memiliki individu yang berpengetahuan dan dapat berfikir dengan kritis dan rasional. Hal ini lebih penting lagi di dalam usaha untuk mengekalkan sistem demokrasi yang menjadi idaman dan cita-cita sebahagian besar umat manusia. Sistem demokrasi yang mengekalkan keutuhan negara dan kesejahteraan sosial rakyat akan berjaya sekiranya terdapat penyertaan rakyat yang sepenuhnya di dalam proses yang menjadi tiang kepada demokrasi tersebut. Maka, ini bermakna negara memerlukan rakyat yang berpengetahuan dan yang boleh berfikir serta membuat pertimbangan yang waras, kritis dan rasional.

Namun setelah sebelas tahun 'Tahun Buku Antarabangsa' anjuran UNESCO meninggalkan kita dan setelah tiga tahun Projek Gerakan Membaca berlalu, kita masih mendapati kesan-kesan negatif masih melanda sebahagian besar daripada masyarakat kita terutamanya di dalam soal-soal yang berkaitan dengan membaca. Satu-satunya kajian resmi mengenai minat dan tabiat membaca di kalangan rakyat di Malaysia pada tahun 1983(1984:122), melaporkan bahawa hanya 21% sahaja daripada kalangan responden yang dikaji mengatakan membaca sebagai aktiviti utama mereka pada masa lapang.

Kajian yang dilakukan oleh Dewan Bahasa Dan Pustaka mengenai minat dan tabiat membaca yang juga dibantu oleh sekumpulan ahli-ahli akedemik pusat-pusat pengajian tinggi di negara ini dengan pembiayaan oleh Yayasan Toyota, Jepun ini juga melaporkan beberapa alasan utama kenapa responden yang dikaji tidak membaca. Di antara alasan-alasan yang dikemukakan ialah, bagi soalan kenapa mereka tidak membaca majalah, responden-responden yang berumur di antara 16 hingga 24 tahun menjawab bahawa mereka tidak ada masa iaitu seramai 39%, manakala 11% mengatakan bahawa susah untuk mendapatkan bahan-bahan bacaan dan 29% mengatakan tidak minat. Bagi soalan mengapa mereka tidak membaca buku pula, responden-respondan yang sama memberikan alasan tidak ada masa iaitu seramai 50%, 11% memberikan alasan ada kerja lain yang lebih penting dan 17% mengatakan tidak minat.

Di dalam satu temuramah lagi, Tan Sri Professor Awang Had Salleh(1983)menekankan bahawa empat sebab utama mengapa orang Malaysia kurang membaca. Bagi rakyat Malaysia, khususnya mereka yang tinggal di kawasan luar bandar, ketiadaan contoh di kalangan mereka yang suka membaca telah menyebabkan timbulnya masalah ini. Lagipun ketiadaan contoh ini akan membawa kepada tiada dorongan yang dilakukan untuk menggalakkan tabiat membaca.

Menurut beliau lagi, tiadanya dorongan untuk membaca biasanya datang daripada ibubapa dan masyarakat sekeliling. Kebanyakan daripada mereka lebih suka bersembang, bertukar fikiran di kedai kopi dan berbual kosong. Inilah kesannya yang membawa kepada ikutan anak-anak mereka. Lagipun di bidang pelajaran, anak-anak mereka terlalu disogokkan dengan buku teks terutama bagi mereka yang kurang mampu untuk membeli bahan bacaan tambahan. Di sebabkan bahan bacaan yang dibaca bukanlah sesuatu yang menyeronokkan menyebabkan mereka mula melarikan atau menjauhkan diri dengan buku. Ini menyebabkan dari masa bersekolah lagi, tabiat membaca tidak ditanam dengan kukuhnya.

Bagaimanapun, apa yang menarik perhatian kita ialah masalah kurangnya membaca ini bukan sahaja berlaku kepada golongan murid-murid sekolah atau mereka yang rendah taraf pendidikan tetapi juga kepada golongan-golongan yang sebelum ini memang kerjanya membaca. Siapa pernah duga kalau dikatakan seorang lepasan universiti tidak lagi punya waktu untuk membaca. siapa sangka kalau seorang pentadbir dan pegawai-pegawai kerajaan tidak gemar membaca. Tetapi hal-hal seumpama ini memang benar-benar berlaku.

Yang Berhormat Encik Anwar Ibrahim(1983) mensifatkan kurangnya minat membaca di kalangan masyarakat hari ini adalah sebagai satu perkara yang 'tragis dan memalukan' memandangkan negara telah mencapai kemerdekaan sejak 26 tahun yang lalu. Di samping itu, beliau menegur sikap setengah siswazah lepasan pusat-pusat pengajian tinggi yang tidak mengekalkan minat membaca selepas tiga atau empat tahun meninggalkan tempat belajar mereka. Sehubungan dengan itu, Kementerian Kebudayaan, Belia Dan Sukan(1983) memerintahkan supaya semua kakitangan mereka mesti membaca buku, sekurang-kurangnya sebuah buku di dalam sebulan. Tetapi persoalannya, apakah seburuk ini keadaannya kakitangan kerajaan kita sehingga perlu dipaksa untuk membaca buku?

Jadi, apakah yang akan terjadi pada masa akan datang? Sudah banyak kita memperkatakan tentang membaca. Kempen-kempen galakan membaca sudahpun lama berlalu. Meskipun begitu kita masih belum puas dan masih bertanya kenapa minat membaca ini belum menjadi satu budaya kepada masyarakat kita. Sedangkan masalah membaca masih tinggal masalah. Kita masih meraba formula dan masih mencari teknik yang paling mudah dan berkesan untuk mewujudkan tradisi membaca kepada masyarakat kita.

Dr. Ibrahim Saad(1982) pernah berkata bahawa dengan membaca dapat menolong individu berfikir dan berkelakuan lebih rasional kerana ia berpeluang mendapatkan pengetahuan di luar batasan 'tempat,budaya dan masa'. Dengan adanya kebolehan membaca ini, sesuatu mesej pembangunan dapat di salurkan dengan mudah melalui tulisan. Ini bererti bahawa aktiviti membaca ini adalah sesuatu yang begitu penting kerana ia memberi peluang untuk mendapatkan pengetahuan yang tidak terbatas. Jika ilmu pengetahuan yang menjadi satu elemen yang utama di dalam usaha pembangunan sesebuah negara tidak dapat disalurkan dengan berkesan, tentu sahaja ia akan menjejaskan proses pembangunan dan modernisasi negara tersebut.

Seharusnya di dalam keadaan negara menghadapi masalah kurangnya minat dan aktiviti membaca secara serius di kalangan masyarakatnya, pihak-pihak atasan di dalam kerajaan, baik di peringkat menteri, ketua-ketua jabatan ataupun pegawainya menyedari tanggungjawab yang harus mereka pikul. Merekalah yang sepatutnya menjadi contoh yang paling penting kepada orang-orang bawahannya, umpamanya seorang ayah kepada anaknya. Kalau ayah sudah malas membaca, macam mana anak boleh rajin membaca. Hal ini pernah ditegur oleh Yang Berbahagia M.Noor Azam(1980) dengan mengatakan bahawa perubahan sikap di kalangan pemimpin politik, pakar-pakar perancang dan pentadbiran, pegawai-pegawai kerajaan serta perbadanan adalah jauh lebih penting daripada penukaran sikap di kalangan rakyat umum.

Perubahan sikap di kalangan orang-orang atasan adalah penting kerana salah satu sebab mengapa masyarakat kita kurang membaca adalah kerana tidak adanya contoh sebagai satu dorongan kepada mereka. Lagipun mereka bukan sahaja termasuk di dalam golongan yang memimpin, yang merancang dan yang melaksanakan berbagai rancangan tetapi juga yang terlibat di dalam membuat keputusan dan yang menentukan masa depan rakyat serta negara. Dan lebih jauh lagi, rakyat pada umumnya, bukan sahaja tidak berkuasa tetapi juga adalah pengikut-pengikut yang biasanya cukup setia. Bagaimanapun tidak dinafikan bahawa rakyat pada umumnya juga bertanggungjawab di dalam membina satu masyarakat yang minat membaca.

Barangkali di sini timbul satu persoalan, apakah kita mempunyai suatu sikap yang boleh mempengaruhi kita untuk membaca. Atau adakah kita sudah tidak mempunyai waktu lagi untuk diperuntukan bagi menambah ilmu pengetahuan melalui membaca. Atau adakah kita masih keterlaluan kekurangan bahan-bahan bacaan yang sesuai. Atau bahan-bahan yang diterbitkan di negara ini tidak bermutu. Atau ada faktor menolak lebih kuat daripada faktor menarik ke arah membaca. Atau adakah kempen yang dijalankan selama ini masih tidak menyeluruh dan tidak cukup untuk memujuk masyarakat untuk membaca. Semua isu ini menjadi persoalan yang penting yang harus dijawab segera.

Menurut Dr. Engku M. Anuar(1980), barangkali peratus kurangnya minat membaca di kalangan masyarakat kita disebabkan oleh beberapa angkubah penting seperti tidak ada masa dan tidak ada tempat. Bagaimanapun masalah tidak ada tempat untuk membaca perlu diperhatikan dengan teliti. Di dalam hal ini, tempat untuk membaca boleh dikaitkan secara langsung dengan peranan perpustakaan. Ini adalah kerana mengikut Barker dan Escarpit(1973), tindakan memasuki perpustakaan sudah mencerminkan keinginan yang tegas untuk memperolehi buku dan membaca.

Lagipun menurut A. Thomas Samy(1974), pada tahun 1876 pernah diadakan satu kajian mengenai tugas dan fungsi sebenar perpustakaan terutamanya di dalam menggalakkan minat membaca. Hasil kajian itu mendapati bahawa tugas perpustakaan bukan sahaja untuk menyediakan bahan bacaan tetapi tugas yang lebih penting ialah bagaimana untuk mendekati masyarakat dan menyampaikan bahan bacaan yang ada sebagai satu badan yang menjadi sumber kepada masyarakat. Ini bererti bahawa perpustakaan bukan sahaja boleh menyelesaikan masalah tidak ada tempat untuk membaca tetapi juga boleh menyelesaikan beberapa masalah lain terutama sekali di dalam usaha untuk membina satu masyarakat yang memiliki minat dan tabiat membaca.

Tugas perpustakaan kini menjadi lebih penting di dalam negara kita kerana ia berkait rapat dengan minat membaca. Robinson dan Weintraub(1973) pernah mengatakan bahawa minat membaca bererti terdapat satu perlakuan dan peraturan yang mendorong individu untuk mencari peluang dan bahan yang boleh dibaca. Dengan ini jelas bahawa perpustakaan boleh memainkan peranan yang penting di dalam memupuk minat membaca selaras dengan tugasnya yang asal iaitu disamping menyediakan bahan bacaan, ia juga berfungsi sebagai pusat penyebaran ilmu pengetahuan kepada seluruh masyarakat.

Bagaimanapun di dalam usaha untuk membina satu masyarakat yang minat membaca, pihak perpustakaan harus melihat beberapa faktor yang penting. Setiap usaha meningkatkan minat membaca dan menambahkan ilmu pengetahuan di kalangan masyarakat mestilah melibatkan program-program seperti penerbitan bahan bacaan yang bermutu, penyebaran bahan bacaan yang menyeluruh serta yang paling penting ialah meningkatkan mutu perkhidmatan perpustakaan itu sendiri. Kecekapan di dalam perkhidmatan dan pengurusan perpustakaan adalah penting kerana ia melibatkan satu usaha pemujukan segolongan anggota masyarakat bagi tujuan membina satu masyarakat yang minat membaca. Ini adalah kerana menurut Mallica Vajathon(1973:5), setiap perancang di dalam sesebuah pertubuhan mestilah diberi maklumat dan faham secukupnya tentang objektif dan 'corak perjalanan' bagi sesuatu tujuan pemujukan di dalam sesuatu projek pembangunan.

Di dalam sebuah negara yang membangun seperti Malaysia, golongan belia adalah merupakan golongan rakyat yang paling ramai jumlahnya iaitu lebih kurang 60%. Mereka adalah golongan masyarakat yang produktif, idealistik dan bakal pemilik masa depan negara. Ini bererti mereka adalah golongan yang seharusnya diberi tanggungjawab di dalam proses pembangunan negara. Menurut Leopard Rosenmary (1974) belia adalah alat pembangunan sesebuah negara kerana ia boleh menjadi pendesak kepada perubahan sosial dan penukaran budaya.

Memandangkan golongan belia adalah begitu penting di dalam sesebuah negara lebih-lebih lagi negara kita Malaysia, maka merekalah golongan yang seharusnya memiliki ilmu pengetahuan yang sempurna. Dengan adanya ilmu pengetahuan yang tinggi, mereka memiliki maklumat yang tepat dan berguna bagi membentuk pemikiran yang matang dan rasional untuk menjadi penggerak pembangunan negara.

Maka dengan ini wajarlah kita melihat sejauhmanakah tingginya minat membaca di kalangan golongan belia ataupun peranan yang telah dimainkan oleh pihak perpustakaan khususnya di dalam membina satu masyarakat belia yang membaca.

Perpustakaan telahpun ditubuhkan di negara kita sejak tahun 1820 lagi. Kini kita mempunyai berbagai-bagai bentuk perpustakaan termasuk Perpustakaan Negara, perpustakaan awam peringkat negeri, daerah, jajahan, sekolah dan juga pertubuhan-pertubuhan sukarela. Tetapi kita masih lagi menghadapi masalah kurangnya minat membaca di kalangan masyarakat kita khususnya golongan belia. (Dipetik dari laporan Projek Gerakan Membaca:1980). Hal ini seharusnya dipandang serius oleh pihak perpustakaan.

Pentingnya membaca untuk mendapatkan ilmu pengetahuan adalah satu perkara yang tidak dapat dinafikan lagi. Lebih-lebih lagi proses menuntut ilmu pengetahuan adalah satu proses 'sepanjang hayat' yang paling berfaedah. Maka dengan ini, penyaluran citarasa menerusi pembacaan perlu dititikberatkan oleh pihak perpustakaan dengan tindakan yang lebih teliti, drastik, bersepadu dan komprehensif menerusi kempen-kempen galakan membaca yang berkesan.

Memandangkan pentingnya tugas yang harus dimainkan oleh pihak perpustakaan, maka penyelidik merasakan perlu untuk mengkaji sejauhmanakah peranan yang telah dimainkan oleh pihak perpustakaan untuk memupuk minat membaca di kalangan belia khususnya serta sikap mereka sendiri di dalam aktiviti membaca.